

Nama dan Pangkat	Kenaikan Pangkat/Peringkat	Mulai Dari dan Bilangan Fail
Ahmad Zawawi bin Saharuddin Memangku Pegawai Laut Gred A44	Pegawai Laut Gred A44 (M) Jabatan Laut Wilayah Tengah	15-5-2015 JPA.BK(S) 134/14/10-9 J1d. 3 SK 3(6) Bertarikh 29 Jun 2015

No. 41268.

AKTA PELESENAN TENAGA ATOM 1984

ATOMIC ENERGY LICENSING ACT 1984

PEMBERITAHUAN FI PENYERTAAN DAN PENGANJURAN LATIHAN
DAN FI PENCERAMAH SAMBILAN

*NOTIFICATION OF FEES FOR PARTICIPATION AND ORGANIZING OF TRAINING
AND FEES FOR PART-TIME SPEAKER*

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [*Akta 304*], Lembaga Pelesenan Tenaga Atom dengan ini mengenakan fi bagi penyertaan dan penganjuran latihan, dan fi bagi penceramah sambilan.

Takrifan

2. Dalam Pemberitahuan ini—

“latihan” ertinya proses pemindahan ilmu pengetahuan bertujuan menambah ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi, termasuk persidangan, konvensyen, kursus, bengkel, seminar, taklimat, kolokium, forum, simposium, lawatan rasmi atau korporat, latihan sambil belajar, klinik kaunseling dan program-program lain yang memenuhi definisi latihan;

“penyertaan” ertinya penglibatan mana-mana orang dalam latihan yang dianjurkan oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom secara terbuka kepada mana-mana orang;

“penganjuran” ertinya penglibatan mana-mana orang dalam pakej latihan yang dianjurkan oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom atau mana-mana orang secara khusus kepada mana-mana orang; dan

“penceramah sambilan” ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh Ketua Pengarah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom untuk memberikan ceramah, syarahan atau taklimat, atau menjadi fasilitator secara sambilan atau sekali-sekala dalam sesuatu latihan dalam atau luar waktu pejabat.

Fi dan pembayaran fi

3. Fi yang ditetapkan dalam ruang (3) Jadual Pertama hendaklah kena dibayar kepada Ketua Pengarah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom berkenaan dengan

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

15hb Dis. 2015]

25775

penyertaan dan penganjuran latihan yang dinyatakan dalam ruang (1) mengikut tempoh yang dinyatakan dalam ruang (2).

4. Fi yang ditetapkan dalam ruang (2), (3) dan (4) Jadual Kedua hendaklah dibayar kepada Ketua Pengarah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom berkenaan dengan penceramah sambilan mengikut tempoh yang dinyatakan dalam ruang (1).

5. Pemberitahuan ini mula berkuat kuasa pada 14 Disember 2015.

JADUAL PERTAMA

(1) Latihan	(2) Tempoh	(3) Fi (RM)
Penyertaan	Sehari	600 seorang
Penganjuran	Sehari	3,400 satu pakej latihan

JADUAL KEDUA

(1) Tempoh (Jam)	(2) Fi (RM) (Pakej A) (Seorang)	(3) Fi (RM) (Pakej B) (Seorang)	(4) Fi (RM) (Pakej C) (Seorang)
2	800.00	1,300.00	2,000.00
3	950.00	1,450.00	2,150.00
4	1,100.00	1,600.00	2,300.00
5	1,250.00	1,750.00	2,450.00
Lebih 5	3,400.00	3,400.00	3,400.00

Nota:

Pakej A (bagi negeri Melaka, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Perak dan Negeri Sembilan)

Pakej B (bagi negeri Johor, Pulau Pinang, Perlis, Pahang, Kelantan dan Terengganu)

Pakej C (bagi negeri Sabah, Labuan dan Sarawak)

Bertarikh 19 November 2015

[LPTA(S): TAD/016/3]

PROF. DATUK DR. SUKIMAN BIN SARMANI
Pengerusi
Lembaga Pelesenan Tenaga Atom

In exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Atomic Energy Licensing Act 1984 [Act 304], the Atomic Energy Licensing Board hereby charge fees for the participation and organizing of training, and fees for part-time speaker.

Interpretation

2. In this Notification—

“training” means the process of knowledge transfer for the purpose of increasing knowledge, skills and suitable attitude to fullfill the needs and current demand in the organization, includes conference, convention, course, workshop, seminar, briefing, colloquium, forum, symposium, official or corporate visit, on-job training, counselling clinic and other programs within the definition of training;

“participation” means the involvement of any person in the training y organized by the Atomic Energy Licensing Board openly to any person;

“organizing” means the involvement of any person in the training package organized by the Atomic Energy Licensing Board or any person specifically to any person; and

“part-time speaker” means any person appointed by the Director General of the Atomic Energy Licensing Board to give talk, lecture or briefing, or as a facilitator for part time or occasionally in a training within or beyond office hours.

Fees and payment of fees

3. The fees prescribed in column (3) of the First Schedule shall be paid to the Director General of the Atomic Energy Licensing Board in respect of the participation and organizing of training as specified in column (1) in accordance with the duration as specified ini column (2).

4. The fees prescribed in colums (2), (3) and (4) of the Second Schedule shall be paid to the Director General of Atomic Energy Licensing Board in respect of part-time speaker in accordance with the duration as specified in column (1).

5. This Notification comes into operation on 14 December 2015.

FIRST SCHEDULE

<i>(1)</i>	<i>(2)</i>	<i>(3)</i>
<i>Training</i>	<i>Duration</i>	<i>Fees (RM)</i>
<i>Participation</i>	<i>Per day</i>	<i>600 per person</i>
<i>Organization</i>	<i>Per day</i>	<i>3,400 per training package</i>

SECOND SCHEDULE

(1) Duration (Hours)	(2) Fees (RM) (Package A) (Per Person)	(3) Fees (RM) (Package B) (Per Person)	(4) Fees (RM) (Package C) (Per Person)
2	800.00	1,300.00	2,000.00
3	950.00	1,450.00	2,150.00
4	1,100.00	1,600.00	2,300.00
5	1,250.00	1,750.00	2,450.00
More Than 5	3,400.00	3,400.00	3,400.00

Notes:

Package A (for the states of Melaka, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Perak and Negeri Sembilan)

Package B (for the states of Johor, Pulau Pinang, Perlis, Pahang, Kelantan and Terengganu)

Package C (for the states of Sabah, Labuan and Sarawak)

Dated 19 November 2015

[LPTA(S): TAD/016/3]

PROF. DATUK DR. SUKIMAN BIN SARMANI
Chairman
Atomic Energy Licensing Board

DEPOSIT-DEPOSIT YANG TIDAK DITUNTUT
(Arahan Perbendaharaan 162)

No. 41269.

PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, SEREMBAN

Bahawa wang deposit yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini masih belum dituntut lebih daripada dua belas bulan di Pejabat Kastam Diraja Malaysia, Seremban, Negeri Sembilan. Dengan ini adalah diberitahu iaitu, jika sekiranya tuntutan tidak dibuat dalam tempoh tiga bulan dari tarikh siaran pemberitahuan ini di dalam *Warta Kerajaan*, maka wang pertaruhan di bawah akan dijadikan hasil Kerajaan.

Bil..	Nama Pendeposit	No.Resit (Kew.38)	Tarikh Resit	Amaun (RM)
1.	Chong Lin Ming	P650194/005157OT	27-7-2011	200.00
			Jumlah	200.00



WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

26216

[22hb Dis. 2015

No. 41807.

AKTA PELESENAN TENAGA ATOM 1984

ATOMIC ENERGY LICENSING ACT 1984

PEMBERITAHUAN FI KAD PEKERJA

NOTIFICATION OF FEE FOR WORKER'S CARD

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 [*Akta 304*], Lembaga Pelesenan Tenaga Atom dengan ini mengenakan fi bagi kad pekerja sebanyak RM10.00 untuk tempoh setahun.

2. Dalam Pemberitahuan ini "pekerja" ertinya mana-mana orang yang bekerja di bawah arahan pemegang lesen, sama ada atau tidak dia diambil kerja oleh pemegang lesen itu, dalam pengendalian atau penggunaan, atau yang akan bersentuhan dengan mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear, benda yang ditetapkan atau radas penyinaran.

3. Pemberitahuan ini mula berkuat kuasa pada 14 Disember 2015.

Bertarikh 19 November 2015 PROF. DATUK DR. SUKIMAN BIN SARMANI
[LPTA(S): TAD/016/3] *Pengerusi*
 Lembaga Pelesenan Tenaga Atom



In exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Atomic Energy Licensing Act 1984 [*Act 304*], the Atomic Energy Licensing Board hereby charge the fee for worker's card for RM10.00 per year.

2. In this Notification "worker" means any person working under the instruction of the licensee, whether or not employed by the licensee, in the handling or use of, or who will come into contact with any radioactive material, nuclear material, prescribed substance or irradiating apparatus.

3. This Notification comes into operation on 14 December 2015.

Dated 19 November 2015 PROF. DATUK DR. SUKIMAN BIN SARMANI
[LPTA(S): TAD/016/3] *Chairman*
 Atomic Energy Licensing Board



DEPOSIT-DEPOSIT YANG TIDAK DITUNTUT
(Arahan Perbendaharaan 162)

No. 41808.

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA

Menurut perkara 162 Arahan Perbendaharaan adalah dengan ini diberitahu bahawa deposit-deposit yang dinyatakan dalam Jadual telah tidak dituntut lebih daripada dua belas (12) bulan dari Bahagian Kewangan dan Pembangunan, Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya. Dengan ini diberitahu sekiranya tuntutan tidak dibuat dalam masa (3) bulan dari tarikh Pemberitahuan *Warta* ini, maka wang deposit tersebut akan dipindahkan kepada hasil Kerajaan.

